



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	28 JUNE 2016

PM dialog bersama wakil wanita dalam tenaga kerja

UM-28/6/2016

PUTRAJAYA 27 Jun - Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengadakan sesi dialog bersama wakil wanita dalam tenaga kerja yang dianjurkan oleh Talent Corporation Malaysia (TalentCorp) di sini.

Perjumpaan itu adalah bagi mendengar pendapat dan pandangan beberapa individu yang mewakili kumpulan wanita yang kembali bekerja di bawah Program Kembali Bekerjaya.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh TalentCorp, ia berkata Najib bertemu dengan 10 wakil kanan beberapa syarikat yang telah melaksanakan langkah-langkah untuk mengekalkan dan memudahkan penyertaan lebih ramai wanita dalam tenaga kerja:

Antara syarikat korporat terkemuka yang hadir ialah BASF Asia-Pacific Service Centre, Kumpulan CIMB, IBM Malaysia, IHS Global (Malaysia), Intel Malaysia, PwC Malaysia, Sunway Group dan UEM Group.

Kenyataan itu berkata kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi memastikan meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja dan sasaran wanita sebagai pembuat keputusan tercapai.

Kadar penyertaan tenaga bu-ruh wanita Malaysia telah meningkat kepada 54.1 peratus

pada 2015, daripada 46.8 peratus pada tahun 2010.

“Walaupun angka ini kurang daripada sasaran 55 peratus yang ditetapkan untuk tahun 2015, peningkatan 7.3 peratus dalam Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Wanita Malaysia (FLPR) telah menghasilkan tambahan sebanyak 750,000 wanita yang menyertai tenaga kerja,” kata TalentCorp.

Ini dianggarkan telah menyumbang tambahan 0.3 peratusan mata kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar setiap tahun, serta sebelum 2010, FLPR kekal sekitar 46 peratus bagi sekurang-kurangnya dalam tempoh lima tahun.

Bagaimanapun, TalentCorp menegaskan Malaysia berada di landasan yang betul untuk mencapai sasaran 30 peratus kaum wanita yang berperanan sebagai pembuat keputusan di sektor korporat menjelang 2016.

Dalam Bajet 2015, Najib mengumumkan Program Kembali Bekerjaya untuk memberi insentif kepada pihak majikan untuk mengambil dan mengekalkan kaum wanita yang telah berhenti sementara waktu daripada kerjaya mereka.

Di bawah program itu, lebih 200 profesional wanita telah kembali kepada tenaga kerja tahun lepas. - BERNAMA